

SOALAN LAZIM

PROGRAM KERJAYA PEWARISAN SYARIAH

BAHAGIAN 1: PENGENALAN, KONSEP DAN SYARAT PENYERTAAN PROGRAM KERJAYA PEWARISAN SYARIAH

1. Apakah Program Kerjaya Pewarisan Syariah?

Program Kerjaya Pewarisan Syariah merupakan program kolaborasi di antara PTPTN dan Wasiyyah Shoppe Berhad dalam melahirkan individu yang berpotensi dalam menyelebarluaskan pengetahuan dan solusi pewarisan dan perancangan harta secara patuh Syariah.

Peserta yang menyertai Program ini akan didaftarkan sebagai Daié Mawarith di bawah Wasiyyah Shoppe Berhad dan akan dilatih oleh individu-individu yang profesional dan berpengalaman di dalam bidang Fiqh Mawarith disamping disokong oleh Wasiyyah Shoppe Berhad yang mempunyai 18 tahun pengalaman dalam bidang ini di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.

2. Apakah kelebihan peserta yang menyertai Program ini?

Kelebihan Program Kerjaya Pewarisan Syariah:

- Komisen yang menarik dan lumayan;
- Sistem pembelajaran secara atas talian yang mudah diakses dimana jua pada bila-bila masa sahaja;
- Waktu kerja fleksibel;
- Sokongan pemasaran berterusan oleh individu profesional dan berpengalaman oleh pihak Wasiyyah Shoppe Berhad;
- Latihan dan bimbingan yang berterusan oleh pihak Wasiyyah Shoppe Berhad;
- Pasaran luas tanpa sempadan;
- Tidak melibatkan transaksi tunai;
- Solusi perkhidmatan yang ditawarkan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad adalah patuh Syariah.

3. Siapakah Wasiyyah Shoppe Berhad?

Wasiyyah Shoppe Berhad adalah sebuah Syarikat Amanah Patuh Syariah yang terbesar di Malaysia. Wasiyyah Shoppe Berhad menawarkan perkhidmatan pewarisan dan perancangan harta secara Syariah kepada pasaran umat Islam di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Maklumat lanjut berkenaan dengan Wasiyyah Shoppe Berhad boleh lawati laman web rasmi melalui www.wasiyyahshoppe.com.my.

BAHAGIAN 2: SYARAT PENYERTAAN SEBAGAI PESERTA KERJAYA PEWARISAN SYARIAH

1. Siapakah yang boleh menyertai Program Kerjaya Pewarisan Syariah ini?

Program Kerjaya Pewarisan Syariah ini terbuka kepada semua peminjam PTPTN yang berstatus Tamat Belajar.

2. Apakah syarat kelayakan untuk mendaftar sebagai peserta?

Antara syarat kelayakan untuk mendaftar sebagai peserta adalah seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia.
- b) Beragama Islam.
- c) Berumur 18 tahun dan ke atas;
- d) Merupakan peminjam PTPTN;
- e) Berstatus Tamat Pengajian dalam rekod PTPTN dan bayaran balik pinjaman;
- f) Tidak berstatus bankrap;
- g) Tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah;
- h) Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma dalam apa-apa bidang;
- i) Mempunyai minat yang tinggi dalam keusahawanan.

BAHAGIAN 3: PENDAFTARAN SEBAGAI PESERTA

1. Sekiranya saya berminat, apakah yang perlu saya lakukan untuk langkah yang pertama?

Peminjam yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Program ini boleh mengisi borang pada laman web PTPTN untuk menghadiri sesi previu kerjaya yang akan disampaikan oleh wakil Wasiyyah Shoppe Berhad.

2. Bilakah sesi previu akan dibuat?

Sesi previu akan dibuat satu kali setiap bulan secara fizikal atau atas talian. Untuk tarikh dan masa previu, sila rujuk dokumen **Jadual Previu Kerjaya Pewarisan Syariah**. Peserta yang ingin menyertai sesi previu akan dihubungi oleh pihak Wasiyyah Shoppe Berhad untuk maklumat yang selanjutnya.

3. Selepas menyertai sesi previu kerjaya, apa yang perlu saya lakukan?

Selepas sesi previu kerjaya, Wasiyyah Shoppe Berhad akan menghantar pautan kepada semua peserta. Peserta yang berminat boleh mengakses pautan tersebut untuk menghantar butiran kepada Wasiyyah Shoppe Berhad untuk didaftarkan sebagai Daié Wasiyyah Shoppe Berhad. Wasiyyah Shoppe Berhad akan membantu peserta yang berminat untuk mendaftar.

4. **Adakah saya perlu membayar apa-apa fi pendaftaran untuk menyertai Wasiyyah Shoppe Berhad sebagai Daié Mawarith di bawah Program Kerjaya Pewarisan Syariah ini?**

Tidak. Bagi peserta yang menyertai Wasiyyah Shoppe Berhad sebagai Daié Mawarith di bawah Program Kerjaya Pewarisan Syariah ini, tiada yuran pendaftaran yang akan dikenakan sewaktu pendaftaran.

5. **Bagaimanakah saya boleh mengetahui sekiranya saya telah berjaya didaftarkan sebagai Daié Mawarith atau tidak?**

Selepas borang butiran diri telah diisi dan dihantar kepada Wasiyyah Shoppe Berhad, peserta yang telah didaftarkan akan menerima emel maklumat ID dan kata laluan kepada sistem pembelajaran atas talian (selepas ini dikenali sebagai LMS), satu salinan Perjanjian Perlesenan dan lampiran perjanjian untuk bacaan awal peserta.

6. **Apakah bentuk bimbingan yang saya akan terima sekiranya saya telah berjaya didaftarkan sebagai Daié Mawarith?**

Peserta akan didaftarkan sebagai Daie Mawarith oleh Wasiyyah Shoppe Berhad dan akan ditempatkan dibawah naungan ketua-ketua Daie (selepas ini dirujuk sebagai Ketua Daié Mawarith) yang bersesuaian mengikut lokaliti peserta di seluruh Malaysia.

Peserta yang menyertai Program ini akan dilatih secara konsisten oleh individu-individu yang profesional dan berpengalaman di dalam bidang pewarisan dan perancangan harta secara Syariah disamping disokong oleh Wasiyyah Shoppe Berhad yang mempunyai 18 tahun pengalaman dalam bidang Fiqh Mawarith di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Peserta juga akan dilatih untuk mempromosikan lebih dari 38 jenis variasi perkhidmatan pewarisan dan perancangan harta secara Syariah yang dibangunkan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad.

Sebagai Daié Mawarith, peserta juga akan mempunyai akses kepada sistem pembelajaran atas talian (LMS) untuk mengakses modul-modul latihan. Melalui sistem ini, peserta dapat mencukupkan latihan yang diperlukan untuk mula memasarkan perkhidmatan Wasiyyah Shoppe Berhad pada bila-bila masa dimana sahaja mengikut kepada kesesuaian masa Daié Mawarith.

7. **Bagaimanakah caranya untuk saya mengakses sistem pembelajaran atas talian (LMS)?**

Peserta boleh mengakses sistem pembelajaran atas talian (LMS) menggunakan ID dan kata laluan yang diberikan, peserta perlu bersetuju dengan Surat Akuan penerimaan Perjanjian Perlesenan terlebih dahulu sebelum meneruskan ke modul latihan.

BAHAGIAN 4: KLAUSA PENTING DALAM PERJANJIAN PERLESENAN DAIE MAWARITH

1. Berapa lamakah tempoh Perjanjian Perlesenan di bawah Program Kerjaya Pewarisan Syariah ini?

Tempoh Perjanjian Perlesenan di bawah Program Kerjaya Pewarisan Syariah ini adalah selama 12 bulan (satu tahun).

2. Adakah saya boleh menyambung kontrak dan berapa lamakah tempoh kontrak tersebut selepas tempoh Perjanjian Perlesenan di bawah Program Kerjaya Pewarisan Syariah ini tamat?

Penyambungan kontrak selepas tamat tempoh Perjanjian di bawah Program Kerjaya Pewarisan adalah tertakluk kepada prestasi dan syarat menyambungkan kontrak yang telah ditetapkan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad. Mengikut situasi, Wasiyyah Shoppe Berhad juga boleh menggunakan budi bicara untuk membenarkan Daié Mawarith menyambung kontrak sebagai wakil Wasiyyah Shoppe Berhad.

Tempoh kontrak yang akan ditawarkan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad bagi tempoh yang seterusnya adalah selama 24 bulan (2 tahun).


3. Apakah terma-terma penting yang lain di bawah Perjanjian Perlesenan ini?

Antara terma-terma penting yang lain di bawah Perjanjian adalah seperti berikut:

- Dai'e Mawarith perlu bertanggungjawab terhadap kandungan perjanjian yang ditandatangani.
- Dai'e perlu memahami, menghayati dan mematuhi IKRAR, VISI, MISI, NILAI KORPORAT, KOD PROFESIONAL, FALSAFAH dan mengamalkannya sepanjang masa dalam menjalankan perniagaan Wasiyyah Shoppe.
- Dai'e perlu mematuhi SOP yang disediakan oleh pihak syarikat.
- Dai'e juga **wajib melengkapkan 16 JAM KREDIT** yang ditetapkan dalam tempoh SAH perjanjian yang berkuatkuasa selama **12 bulan** dari tarikh perjanjian ditandatangani.
- Dai'e juga perlu mengikut MODUL LANJUTAN yang dikendalikan secara berkala oleh Ketua Dai'e Eksekutif, Dai'e Profesional Mawarith atau syarikat.

4. Apakah struktur asas Daié di Wasiyyah Shoppe Berhad?

Struktur asas Daié di Wasiyyah Shoppe Berhad adalah seperti berikut:



5. Apakah sistem rumenerasi asas di Wasiyyah Shoppe Berhad?

Sistem rumenerasi asas di Wasiyyah Shoppe Berhad adalah seperti di dalam dokumen Garis Panduan Program Kerjaya Pewarisan Syariah perkara 5.2 dan 5.3.

6. Apakah syarat untuk memperbaharui kontrak Perjanjian Perlesenan?

Sila rujuk Garis Panduan Program Kerjaya Pewarisan Syariah perkara 6 untuk penerangan syarat memperbaharui kontrak.

BAHAGIAN 5: PERTANYAAN LANJUT

1. Dimanakah boleh saya boleh dapatkan maklumat lanjut mengenai Program ini?

Maklumat lanjut berkenaan dengan Program ini boleh hubungi Wasiyyah Shoppe Berhad melalui:

Nama pegawai: Puan Siti Nabilah Binti Saidin
Alamat e-mel: cosscom@wasiyyahshoppe.com.my
Nombor telefon: 03-7680 2000